

Mod pengangkutan awam diperkasa

Kerajaan akan terus menambah baik mod pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan rel, selaras dengan matlamat untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam kepada 40 peratus menjelang 2030.

ia juga selari dalam memenuhi permintaan rakyat terhadap mod pengangkutan awam yang cekap, mesra alam dan moden selain perkhidmatan rel lebih baik akan membawa kesalinghubungan yang cekap antara kawasan bandar dan luar bandar.

Selain itu, ia secara langsung merencanakan aktiviti ekonomi dan menyumbang pertumbuhan yang inklusif.

Perkhidmatan rel baharu

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2017/2018, kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik pengangkutan awam termasuk beberapa perkhidmatan rel baharu serta memperluas dan menaik taraf rangkaian sedia ada.

ia termasuk Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) iaitu perkhidmatan rel bandar yang dikendalikan Keretapi Tanah Melayu Bhd.

Perkhidmatan ETS pertama dari Kuala Lumpur ke Ipoh mula beroperasi pada 12 Ogos 2010 dan laluan berkenaan dipanjangkan dari Padang Besar ke Gemas pada 10 Oktober 2015 dengan

jarak 755 kilometer serta mempunyai 44 stesen.

Selain itu, pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) dengan laluan pertama MRT, Sungai Buloh-Kajang (SBK) mempunyai jarak 51 kilometer (km) dengan 31 stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah juga menjimatkan jarak perjalanan dengan masa kira-kira 84 minit.

Fasa pertama laluan SBK dari Sungai Buloh ke Semantan beroperasi pada 16 Disember 2016, diikuti fasa kedua dari Semantan ke Kajang pada 17 Julai 2017.


Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang bakal menjadi komponen penting sistem pengangkutan awam Lembah Klang dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2022.

Selain laluan Transit Aliran Ringan (LRT) sedia ada, LRT Laluan 3 (LRT3) dijangka siap pada Februari 2021 akan menghubungkan Bandar Utama dengan Klang dalam tempoh 58 minit.

Turut dibangunkan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur menerusi menambah baik jaringan rel ke Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Selain itu, Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) juga bakal menjadi mod pengangkutan awam rel paling laju dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan jarak 335 km dan 90 minit masa perjalanan dan dijangka beroperasi menjelang akhir 2026.

LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL) DAN REL BERKELAJUAN TINGGI (HSR)



Sumber: Keretapi Tanah Melayu Berhad, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan MyHSR Corporation

